

SOALAN LAZIM
PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 2011
IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI TAHUN 2011

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
1.	<p>Sistem Saraan</p> <p>Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan (JKK, SSB dan SSM) yang masih berkhidmat pada 8 Ogos 2011 dan genap sekurang-kurangnya satu (1) bulan perkhidmatan atau lebih.</p>	Layak mengikut tempoh perkhidmatan.
2.	<p>Kontrak</p> <p>Pegawai lantikan kontrak Perkhidmatan Awam Persekutuan (<i>Contract of Service/ Contract For Service</i>) yang dilantik ke jawatan tetap/ sementara/ kontrak dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan tertakluk kepada pegawai telah berkhidmat dalam tempoh sekurang-kurangnya genap satu (1) bulan perkhidmatan atau lebih dan berada dalam perkhidmatan pada 8 Ogos 2011.</p>	Layak mengikut tempoh perkhidmatan.
3.	<p>Bertukar Skim Perkhidmatan</p> <p>Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dilantik ke skim perkhidmatan lain dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan.</p>	Layak mengikut tempoh perkhidmatan.
4.	<p>Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri/ Pihak Berkuasa Berkanun/ Pihak Berkuasa Tempatan yang dilantik ke skim perkhidmatan lain dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan.</p>	Layak mengikut tempoh perkhidmatan.
5.	<p>Peng korporatan/ Penswastaaan dan Pengasingan</p> <p>Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di agensi awam yang dikorporatkan/ diswastakan atau diasingkan saraannya dan memilih untuk kekal dalam JKK/ SSB/ SSM.</p>	Layak mengikut tempoh perkhidmatan.

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
6.	Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di agensi awam yang dikorporatkan/ diswastakan atau diasingkan saraannya dan memilih sistem saraan syarikat/ pengasingan.	Tidak Layak.
7.	<p>Meletak Jawatan/ Berhenti/ Ditamatkan Perkhidmatan</p> <p>Meletak jawatan/ berhenti/ ditamatkan perkhidmatan sebelum/ pada 8 Ogos 2011 dan tiada dalam perkhidmatan pada 8 Ogos 2011.</p>	Tidak layak.
8.	<p>Pelarasan Gaji</p> <p>Sebarang urusan perkhidmatan yang tarikh kuat kuasanya dikebelakangkan dan memberi kesan ke atas amaun gaji pegawai selepas 31 Julai 2011.</p>	Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi tidak diselaraskan.
9.	<p>Syarat Kelayakan</p> <p>Pegawai yang masih berkhidmat pada 8 Ogos 2011 dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya genap satu (1) bulan perkhidmatan atau lebih.</p>	Layak.
10.	Pegawai yang dilantik pada/ selepas 10 Julai 2011.	Tidak layak kerana berkhidmat kurang satu (1) bulan perkhidmatan. Pegawai yang dilantik pada/ sebelum 9 Julai 2011 sahaja layak dibayar mengikut tempoh perkhidmatan.
11.	Pegawai diluluskan Cuti Menjaga Anak atau Cuti Tanpa Gaji bermula 1 Januari hingga 7 Ogos 2011.	Tidak layak.
12.	Pegawai dilantik pada 9 Julai 2011 telah menggunakan kemudahan Cuti Sakit pada 6 Ogos 2011.	Layak kerana Cuti Sakit atau Cuti Rehat boleh diambil kira dalam pengiraan tempoh perkhidmatan.

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
13.	Kakitangan Ambilan Tempatan (KAT).	KAT yang masih berkhidmat pada 8 Ogos 2011 dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya genap satu (1) bulan perkhidmatan atau lebih layak dibayar Imbuan Tahunan.
14.	Asas gaji yang perlu digunakan bagi pembayaran Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi.	Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi dibayar berasaskan gaji bulan Julai 2011 atau gaji akhir yang diterima dalam tempoh 1 Januari hingga 31 Julai 2011.

Soalan:

Layakkah bagi seseorang pegawai menerima Imbuhan Tahunan sekiranya pegawai tersebut masih dalam proses rayuan bagi kes tatatertib?

Jawapan:

Perenggan 5 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 2011 menjelaskan bahawa pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib **selain daripada amaran sepanjang 1 Januari 2011 hingga 7 Ogos 2011 tidak layak menerima Imbuhan Tahunan**. Perenggan 6 pekeling perkhidmatan yang sama menjelaskan bahawa pegawai yang **telah dikeluarkan surat pertuduhan ditangguhkan pemberian Imbuhan Tahunan sehinggalah Pihak Berkuasa Tatatertib membuat keputusan** ke atas pegawai. Pegawai akan dibayar Imbuhan Tahunan jika **didapati tidak bersalah atau hanya dikenakan hukuman amaran**.

Bagi pegawai yang sedang di dalam prosiding rayuan tatatertib, sekiranya pegawai tersebut mengemukakan rayuan bagi hukuman selain daripada amaran, pembayaran Imbuhan Tahunan **ditangguhkan** sehingga Pihak Berkuasa Rayuan Tatatertib membuat keputusan ke atas rayuan pegawai. Berikut merupakan situasi berkaitan keputusan Pihak Berkuasa Rayuan dan status pembayaran Imbuhan Tahunan:

Bil.	Keputusan Pihak Berkuasa Rayuan	Status pembayaran
1.	Mengesahkan dan mengekalkan hukuman	Pegawai tidak layak dibayar Imbuhan Tahunan
2.	Mengesahkan hukuman tetapi mengubah hukuman kepada hukuman yang lebih ringan (selain daripada Amaran)	Pegawai tidak layak dibayar Imbuhan Tahunan
3.	Mengesahkan hukuman tetapi mengubah hukuman kepada hukuman yang lebih ringan (Amaran)	Pegawai layak dibayar Imbuhan Tahunan
4.	Mengakas keputusan hukuman dan membebaskan perayu	Pegawai layak dibayar Imbuhan Tahunan
5.	Menghantar balik kes kepada Lembaga Tatatertib untuk ditimbang semula (remit)	Ditangguhkan pembayaran Imbuhan Tahunan sehingga Lembaga Tatatertib memutuskan hukuman ke atas pegawai. Penentuan pembayaran Imbuhan Tahunan ini akan dibuat selaras perenggan 5 PP Bil. 8/2011